

12 MAR 1997

MIRZAN: IKS PATUT CUNGKIL POTENSI DI KYUSHU, JEPUN

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Industri kecil dan sederhana (IKS) Malaysia yang terlibat dalam multimedia dan teknologi maklumat (IT) lain yang ada kaitan supaya mencungkil potensi yang begitu banyak di Kyushu, "Pulau Silikon" Jepun.

Presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Mirzan Mahathir berkata "banyak syarikat automotif dan yang berteknologi tinggi yang lain mempunyai hubungan perniagaan dan membekal kelengkapan dan alat ganti ke negara ini, dan kita harus cuba mencungkil potensi yang ada di pulau itu."

Kira-kira 340 pengeluar barangan berkaitan teknologi maklumat menjalankan operasi di Kyushu dengan lebih 30 peratus menyumbang kepada industri IT Jepun.

Mirzan berkata demikian pada persidangan berita untuk mengumumkan "Dialog Fukuoka" anjuran Asli pada 28 Mac.

Dialog sehari itu, yang turut dianjurkan oleh Asia Business Centre (ABC) dan Nishinippon Newspaper Co Ltd, kedua-duanya dari Fukuoka, Jepun, akan diadakan di Fukuoka Symphony Hall, Fukuoka bersempena dengan lawatan rasmi lima hari perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun mulai 25 Mac.

Mirzan berkata Fukuoka telah berperanan dan maju sebagai pusat utama pertukaran komersil dan perindustrian antara Jepun dan negara-negara Asia yang lain.

Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan utama mengenai "Abad Digital: Peluang-peluang untuk Kerjasama Antara Jepun dan Malaysia" pada dialog yang bertujuan dijadikan mesyuarat peringkat tinggi antara masyarakat perniagaan kedua-dua negara, terutama dalam industri IT.

Antara mereka yang dijangka hadir ialah pembuat dan pemutus dasar, pemberi perkhidmatan, pembekal dan pelaksana korporat termasuk dalam rantau Asean.

Mirzan berkata menteri perdagangan antarabangsa dan industri Datuk Seri Rafidah Aziz, ketua menteri Pulau Pinang Tan Seri Koh Tsu Koon, menteri besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid, menteri kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah adalah antara mereka yang akan berucap.

Kira-kira 1,800 peserta dari Jepun dan 80 dari Malaysia dijangka menghadiri dialog itu. Kira-kira 30 syarikat besar dari Malaysia telah mengesahkan penyertaan mereka.

Presiden ABC, Kenji Takimoto berkata pusat itu juga akan menganjurkan mesyuarat dengan Dr Othman untuk membincangkan bagaimana masyarakat perniagaan IT Kyushu boleh menyumbang kepada Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia. -- BERNAMA

ZMY SIA